**PERSONAL DATA PROTECTION ACT 2010**
***AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI 2010***
# NOTICE AND CHOICE PRINCIPLES DOCUMENT
## *DOKUMEN NOTIS DAN PRINSIP-PRINSIP PILIHAN*

The Personal Data Protection Act 2010 (the "Act"), which regulates the processing of personal data in commercial transactions, applies to Pharmaniaga Berhad ("our", "us" or "we"). For the purpose of this written notice ("Notice"), the terms "personal data" and "processing" shall have the same meaning as prescribed in the Act.
***Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 ("Akta" tersebut) yang mengawal selia pemprosesan data peribadi dalam transaksi komersial, terpakai kepada*** Pharmaniaga Berhad ***("kami"). Untuk tujuan notis bertulis ini ("Notis"), terma-terma "data peribadi" dan "pemprosesan" mempunyai maksud yang sama seperti yang ditakrif dalam Akta tersebut.***

1. This Notice serves to inform you that your personal data is being processed by us or on our behalf.
   ***Notis ini bertujuan untuk memaklumkan kepada anda bahawa data peribadi anda sedang diproses oleh atau bagi pihak kami.***

2. Your personal data includes name, NRIC no., telephone no., e-mail address, the information provided by you in the documents prescribed in paragraph 4 of this Notice and all other personal data we again collect from you on any subsequent occasion.
   ***Data peribadi anda termasuk nama, no. KP, no. telefon, alamat e-mel, maklumat yang diberikan oleh anda dalam dokumen yang dinyatakan dalam perenggan 4 Notis ini dan semua data peribadi lain yang akan kami kumpul daripada anda pada bila-bila masa kemudiannya.***

3. Your personal data is being or is to be collected and further processed for:
   ***Data peribadi anda sedang atau akan dikumpulkan dan diproses selanjutnya untuk:***

   (a) performing our pre-contractual and contractual obligation with you (or your company, if applicable);
   ***melaksanakan obligasi pra-kontrak dan kontrak dengan anda (atau syarikat anda, jika berkenaan);***
   (b) providing our products and/or services to you (or your company, if applicable);
   ***memberikan produk dan/atau perkhidmatan kami kepada anda (atau syarikat anda, jika berkenaan);***
   (c) to communicate with you (or your company, if applicable);
   ***berhubung dengan anda (atau syarikat anda, jika berkaitan);***
   (d) responding to your inquiries;
   ***menjawab pertanyaan anda;***
   (e) conducting internal activities;
   ***menjalankan kegiatan dalaman;***
   (f) conducting market surveys, trend analysis and internal activities;
   ***menjalankan tinjauan pasaran, analisis kecenderungan dan aktiviti dalaman;***
   (g) providing you (or your company, if applicable) with information on our products and/or services and of our related corporations and business partners unless you have otherwise indicated that you do not wish for us to process your personal data for such purpose;
   ***memberikan anda (atau syarikat anda, jika berkenaan) maklumat tentang produk dan/atau perkhidmatan kami dan perbadanan-perbadanan berkaitan kami dan rakan perniagaan kami kecuali kalau anda telah memberitahu kami bahawa anda tidak ingin data peribadi anda diproses untuk maksud ini;***
   (h) credit assessments and such other background checks as we may determine to be necessary or appropriate;
   ***penilaian kredit dan semakan latar belakang lain sepertimana kami anggap perlu atau sesuai;***
   (i) conducting other legitimate business activities;
   ***menjalankan kegiatan-kegiatan perniagaan sah lain;***
   (j) complying with any legal or regulatory requirements; and
   ***memenuhi apa-apa kehendak undang-undang atau kawal selia; dan***
   (k) such other purposes directly related to the foregoing.
   ***maksud-maksud lain yang berhubungan secara langsung dengan yang tersebut di atas.***

   (collectively, the "Purposes").
   ***(secara kolektif, "Maksud-maksud" tersebut).***

4. Your personal data is being or is to be collected from: your business card and other written details of your company or employees, staff and agents; your invoice; credit reporting agencies, background check agencies, and/or other third party service providers; our closed-circuit television (CCTV) recording; and information that you have provided and will provide us from time to time.
***Data peribadi anda sedang atau akan dikumpulkan daripada kad perniagaan dan butir-butir tertulis lain syarikat atau pekerja anda, kakitangan dan agen anda, invois anda, agensi pelaporan kredit, agensi pemeriksa latar belakang, dan/atau pihak pembekal perkhidmatan ketiga yang lain; rakaman televisyen litar tertutup (CCTV) kami; dan maklumat yang anda telah berikan dan akan berikan kami dari masa ke semasa.***

5. You have the right to request access to and to request correction of your personal data and to contact us with any inquiries or complaints in respect of your personal data (including the possible choices and means for limiting the processing of your personal data) from:
***Anda berhak untuk meminta akses kepada dan meminta pembetulan terhadap data peribadi anda dan untuk menghubungi kami tentang apa-apa pertanyaan atau aduan berkenaan dengan data peribadi anda (termasuk pilihan-pilihan dan cara-cara yang mungkin untuk mengehadkan pemprosesan data peribadi anda) daripada:***

| | |
|---|---|
| Designation: ***Perjawatan:*** | PDPA Officer ***Pegawai PDPA*** |
| Telephone No.: ***No. Telefon:*** | +603-3342 9999 ext. no. 476/262 |
| E-mail address: ***Alamat E-mel:*** | pdpa@pharmaniaga.com |

6. Subject to provisions of the Act:
***Tertakluk kepada peruntukan-peruntukan Akta tersebut:***

(a) you may, upon payment of a prescribed fee, make a data access request in writing to us; and
***Anda boleh, apabila dibayar fi yang ditetapkan, membuat suatu permintaan mengakses data secara bertulis kepada kami; dan***

(b) we may refuse to comply with a data access request or a data correction request and shall, by notice in writing, inform you of our refusal and the reasons of our refusal.
***Kami boleh enggan mematuhi permintaan mengakses data atau permintaan pembetulan data dan hendaklah, melalui notis bertulis, memaklumkan anda mengenai keengganan tersebut dan sebab-sebab bagi keengganan tersebut.***

7. We disclose or may disclose your personal data to our related corporations and/or Pharmaniaga Group of Companies, our business partners, our service providers, governmental departments and/or agencies, regulatory and/or statutory bodies and any such third party requested or authorized by you for the Purposes.
***Kami menzahirkan atau boleh menzahirkan data peribadi anda kepada perbadanan berkaitan kami dan/atau Kumpulan Syarikat Pharmaniaga, rakan-rakan perniagaan kami, pembekal-pembekal perkhidmatan kami, jabatan-jabatan dan agensi-agensi kerajaan, badan-badan kawal selia dan / atau berkanun dan dan mana-mana pihak ketiga yang diminta atau dibenarkan oleh anda untuk Maksud-maksud tersebut.***

8. If you give us personal data or information about another person, you confirm that he/she has appointed you to act for him/her, to consent to the processing of his/her personal data and to receive on his/her behalf any data protection notices.
***Jika anda memberi kami data peribadi atau maklumat yang berhubungan dengan orang lain, anda mengesahkan bahawa orang tersebut telah melantik anda untuk mewakilinya, membenarkan untuk memproses data peribadinya dan untuk menerima sebarang notis perlindungan data bagi pihaknya.***

9. It is compulsory that you supply us your personal data. If you fail to supply us any of your personal data, we may refuse to process your personal data for any of the above Purposes.
***Ia adalah wajib untuk anda memberikan kepada kami data peribadi anda. Jika anda gagal untuk memberikan kami mana-mana data peribadi anda, kami boleh enggan untuk memproses data peribadi anda untuk mana-mana Maksud-maksud tersebut.***

10. We may transfer your personal data to a place outside Malaysia.
***Kami boleh memindahkan data peribadi anda ke sesuatu tempat di luar Malaysia.***

11. You are responsible for ensuring that the information you provide us is accurate, complete, not misleading and is kept up to date.
***Anda bertanggungjawab untuk memastikan bahawa maklumat yang anda berikan kami adalah tepat, lengkap, tidak mengelirukan dan terkini.***

12. In the event of any inconsistency between the English version and the Bahasa Malaysia version of this Notice, the English version shall prevail over the Bahasa Malaysia version.
***Sekiranya terdapat apa-apa ketidak-konsistenan antara versi Bahasa Inggeris dan versi Bahasa Malaysia Notis ini, versi Bahasa Inggeris akan mengatasi versi Bahasa Malaysia.***

13. We reserves the right to review and/or amend this Notice from time to time and will communicate such changes along with the updated policy on our website, and/or other appropriate communication means as may be determined by us.
***Kami berhak untuk menyemak semula dan/atau meminda Notis ini dari masa ke masa dan akan memaklumkan mengenai perubahan sedemikian bersama dengan polisi yang telah dikemaskini di laman sesawang kami, dan/atau lain-lain bentuk komunikasi yang sewajarnya sebagaimana yang akan ditentukan oleh pihak kami.***

14. If we do not receive the declaration confirming that you have received this Notice and consent to our processing of your personal data below within fourteen (14) days from the date of this Notice, we will assume that you have consented to our processing of your personal data in accordance with the above.
***Jika kami tidak menerima deklarasi mengesahkan yang anda telah menerima Notis ini dan bersetuju kepada pemprosesan data peribadi anda di bawah dalam tempoh masa empat belas (14) hari dari tarikh Notis ini, kami akan menganggap bahawa anda telah bersetuju kepada pemprosesan data peribadi anda selaras dengan yang di atas.***

\- This portion is intentionally left blank -
\- ***Bahagian ini sengaja dibiarkan kosong*** -